

DATE: 19/10/2010



Forum Pembentukan Masyarakat Global, Liberalisasi Media dan Realiti Politik Baru



TUN DR Mahathir ketika berucap di PWTC, semalam.

Jangan ghairah nak tukar kerajaan: Dr M

BH - 19/10/2010

Janji manis pembangkang tipu daya tamakkan kuasa

Oleh Syuhada Choo Abdullah,
Nazura Ngah dan Shaarani
Ismail
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya tidak mudah menukar kerajaan setiap kali pilihan raya umum kerana pertukaran tampuk kepimpinan tidak menjanjikan perubahan ketara dalam pembangunan negara.

Sebaliknya, beliau berkata banyak perkara tidak mampu diubah, sekali gus kekal pada kedudukan asal walau-

pun pentadbiran negara diambil alih oleh kerajaan pembangkang.

"Jangan fikir dengan menukar kerajaan melalui perubahan rejim, banyak perkara akan berubah sedangkan ia tidak berlaku.

"Kita sentiasa memikirkan perubahan yang bakal dilakukan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama tetapi sampai sekarang susah untuk dia membawa perubahan," katanya ketika menyampaikan ucapan pada forum antarabangsa bertajuk 'Pembentukan Masyarakat Global, Liberalisasi Media dan Realiti Politik Baru'

sempena Perhimpunan Agung Umno kali ke-61, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Forum dua hari berakhir hari ini menghimpunkan pemimpin 20 parti daripada 19 negara.

Dr Mahathir berkata, keadaan itu berlaku kerana agak sukar untuk menunaikan janji yang terdapat dalam manifesto pilihan raya, sekali gus sukar untuk kerajaan baru melaksanakan perubahan.

"Bagaimanapun, jika anda bertanding dalam pilihan raya, anda perlu membuat janji

terutama jika anda bukan calon yang dijangka untuk menang.

"Jika anda rasakan anda akan menjadi kerajaan akan datang, anda perlu berhati-hati dengan setiap janji yang dibuat... itulah demokrasi, bukan perkara yang sempurna," katanya.

Sementara itu, pada sidang media, Dr Mahathir menyifatkan keputusan kerajaan membelanjakan RM5 bilion membangunkan bangunan Warisan Merdeka 100 tingkat mampu merangsang ekonomi dengan mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat.